

Koperasi bukan tempat selesai masalah sosial

PM mahu pemimpin ubah tanggapan, jadikan penjana ekonomi

Oleh Anwar Hussin

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu pemimpin koperasi supaya mengubah tanggapan terhadap organisasi itu dengan menjadikannya sebagai satu lagi penggerak ekonomi negara dan bukannya tempat menyelesaikan masalah sosial atau kebajikan.

Perdana Menteri berkata, konsep pemikiran pemimpin, ahli dan pegawai kerajaan yang terbabit dengan koperasi perlu digembleng ke arah menjayakan misinya sebagai penggerak budaya keusahawanan sejajar matlamat menjadikannya penjana ketiga pembangunan ekonomi.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, koperasi bukan tempat menyelesaikan masalah sosial dan meningkatkan kebajikan, sebaliknya perlu dilihat sebagai sebagai satu perusahaan yang berdaya saing serta

berkembang seiring perubahan.

"Koperasi perlu berkebolehan untuk berinovasi, mewujudkan pekerjaan dan mempunyai tempat dalam statistik pengeluaran dan pendapatan negara.

"Semua perubahan dan pembaharuan yang hendak kita lakukan tidak mungkin dapat dijayakan jika pihak berkaitan tidak melakukan anjakan paradigma dan membina keupayaan bagi membolehkan koperasi berfungsi seperti yang kita inginkan," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian pada majlis perasmian sambutan Hari Koperasi Negara 2007, di sini, semalam. Teks ucapannya dibacakan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Abdullah menyarankan pemimpin koperasi supaya berusaha menggalakkan pembabitan pelbagai lapisan masyarakat daripada generasi muda,

belia dan wanita, termasuk cendekiawan serta profesional menyertai koperasi.

Beliau juga meminta sektor koperasi tidak melepaskan peluang memberi sumbangan dalam membantu memajukan ekonomi negara dengan menyertai pelbagai projek pembangunan yang dilaksanakan di kawasan koridor pembangunan baru negara.

Perdana Menteri berkata, kerajaan melalui pendekatan barunya untuk membangunkan Wilayah Ekonomi Koridor Utara, Timur, Selatan serta Sabah dan Sarawak, memerlukan kerjasama semua pihak termasuk koperasi bagi menjayakannya.

Selain itu, Abdullah berkata, sempena Hari Koperasi Negara, empat produk baru diperkenalkan yang akan memberi manfaat kepada koperasi dan negara.

"Produk pertama ialah membuka peluang kepada koperasi melabur da-

lam Amanah Saham Mara (ASM). Koperasi yang mempunyai wang berlebihan disaran melabur dalam amanah ini kerana pelaburannya memberi pulangan yang baik, selamat dan berisiko rendah.

"Produk kedua, pembangunan tanah koperasi oleh UDA, di bawah Skim usaha sama UDA-Koperasi atau UDAKOP. UDA akan bekerjasama dengan koperasi untuk membangunkan tanah milik koperasi di kawasan bandar," katanya.

Beliau berkata, ketiga, pelancaran produk 'wakil khidmat Bank Rakyat' dengan bank berkenaan menawarkan koperasi tertentu menjadi wakilnya untuk mempromosi dan menjual produk serta perkhidmatan Bank Rakyat.

Katanya, produk keempat adalah pelancaran 'Buku Panduan Tadbir Urus Koperasi' bagi mewujudkan pengurusan dan pentadbiran lebih berwibawa.

BH-23/7/2007